

Axiom

BUMANTARA

1. What is an axiom? An axiom is a logical statement that is assumed to be true.
2. Why do we need axioms? As a basis for a “formal system”. A framework to prove and/or derive further theorems.

#### PERADABAN MELAYU ITU SUDAH LAMA

Adapun Melayu itu adalah sebuah peradaban besar dan tua. Lebih tua daripada kebanyakan peradaban Barat. Peradaban Melayu itu mempunyai sejarah yang lama dan masih berterusan. Peradaban Melayu itu mempunyai wilayah geografi yang luas, iaitu sebuah wilayah samudera, iaitu sebuah peradaban maritim. Peradaban Melayu itu adalah satu-satunya peradaban maritim dalam dunia. Walaupun ada banyak pusat peradaban Melayu dalam sejarahnya yang panjang, pada hakikatnya ia adalah sebuah peradaban yang sama dalam sebuah kesinambungan, dan dialami oleh manusia yang mengongsi himpunan memori yang sama. Peradaban Melayu itu tumbuh dan maju dalam kestabilan politik yang lama dan berterusan, dan dibendung oleh perundangan, dan budaya yang kompleks.

Dalam Seminar Pendidikan Bahasa Melayu di Beijing pada 13 Jun 2010 yang lalu, Profesor Liang Liji dari Universiti Beijing, mengemukakan beberapa “pendapat” yang menunjukkan bahawa Alam Melayu itu mungkin sudah wujud hampir empat millenium dahulu. Hasil penyelidikan beliau mengenai perhubungan China dengan Alam Melayu, menunjukkan ada beberapa bukti, sekalipun agak lemah, tetapi menarik, yang dapat menceritakan bahawa ada bukti arkeologi yang menunjukkan bahawa pada zaman Maharaja Yin Shang, pada abad ke-17 hingga 11 sebelum Masihi, mungkin sudah ada perhubungan antara Alam Melayu dengan China. Ahli arkeologi China menemui catatan huruf purba China diukirkan pada cangkerang kura-kura besar, yang dipercayai berasal daripada Alam Melayu kerana di China tidak pernah ada kura-kura sebesar itu. Begitu juga, pada makam Maharaja China itu pernah ditemui pula tulang binatang Mo Loi Mo, iaitu tenek, yang juga berasal dari Alam Melayu. Ini menunjukkan bahawa tiga hingga empat millenium lalu, sudah ada benda yang dibawa ke China dari Alam Melayu, wilayah yang dihuni oleh orang Melayu.

Seterusnya, dalam buku sejarah kuno China, terdapat sebuah catatan geografi dalam Kepustakaan Dinasti Han, Hon Shu Oi Li Zhi, menyatakan pada zaman Maharaja Han Wu Di, yang hidup pada tahun 140 hingga 87 S. M., sudah dibuka perjalanan dari China ke India, melalui Semenanjung Tanah Melayu. Maksudnya, pada abad kedua S. M. sudah wujud perhubungan China dengan Alam Melayu, iaitu sudah ada manusia yang dipanggil Melayu.

Berikutnya, bahagian selatan China pernah menjalin perhubungan dengan Tenggara Asia. Maharaja Sun Quan, 222 hingga 252 M. pernah mengirim Zhu Ying dan Kang Tai bagi menjalin muhibah dengan beberapa negeri di Alam Melayu. Malah Zhu Ying menulis sebuah buku yang berjudul Fu

Nan Yi Wu Zhi, iaitu Barang-Barang Aneh di Funan, dan Kang Tai pula menulis sebuah buku, Wu Shi Wai Guo Zhuan iaitu Hikayat Negeri-Negeri Asing pada Masa Kerajaan Wu. Mereka membuat catatan rapi mengenai negeri-negeri di Alam Melayu. Inilah dokumentasi sejarah terawal mengenai peradaban Melayu dalam abad ke-3. Walaupun buku ini sudah musnah, tetapi ada kutipan-kutipan daripada buku ini yang dapat ditemui dalam buku sejarah berikutnya.

Dalam kebanyakan catatan sejarah, kunjungan seorang sami Buddha I-Tsing, ke Sriwijaya pada tahun 671 M, iaitu pada zaman Maharaja Tang, adalah termasyur. Apabila I-Tsing singgah di Sriwijaya dalam pelayaran ke India, beliau mendapati pengajian dalam bidang agama, budaya dan bahasa sudah mencapai tahap yang sangat manju. Oleh sebab itu beliau tinggal di Sriwijaya dan belajar sebagai persiapan sebelum meneruskan pelayaran ke India. Oleh sebab kejayaan beliau itu, I-Tsing menasihatkan para sami Buddha dari China supaya "singgah di Sriwijaya selama satu atau dua tahun bagi mempelajari ilmu Buddha tersebut sebelum pergi ke India." Akibatnya, ramai sami Buddha China ini singgah di Sriwijaya dan ada yang tidak mahu balik pulang ke Guangzhou semula. I-Tsing sangat menyedari kepentingan bahasa Melayu, Kunlun, dan mempengaruhi sami Buddha China yang lain supaya tinggal di Sriwijaya dan mempelajarinya. Perhubungan erat seperti inilah yang berterusan hingga ke abad ke-15, iaitu pada zaman Empayar Sriwijaya menurun dan pusat politik dan perniagaan Melayu itu berpindah ke Empayar kesultanan Melaka. Inilah kedudukan perhubungan China dengan Alam Melayu, yang dapat dikatakan mencapai kemuncaknya pada zaman Dinasti Ming. Pada zaman inilah Laksamana Cheng Ho datang melawat ke Samudera Barat sebanyak tujuh kali, tetapi misi Maharaja China itu adalah misi damai dan tidak pernah mana-mana wilayah Melayu itu ditakluki oleh China.

Apabila empayar Melaka ini jatuh ke tangan Portugis, pusat kerajaan Melayu terus membangun dan berkembang di Aceh, Pasai, Medan, Patani, Brunei. Namun, kepulauan Riau, Lingga, Johor dan Pahang.

Dua wilayah inilah, Johor Riau yang menjadi pusat bahasa Melayu seterusnya, hinggalah sampai ke zaman penjajahan kuasa Eropah, dan kemerdekaan pada pertengahan abad ke-20.

Matan

Matan pula secara bahasa ertinya kuat, kukuh, keras; matan dari istilah ahli hadith ialah teks (isi, ucapan atau lafaz-lafaz) hadits.

14 January 2009

[MrLantean5 years ago](#)

1291

Michael Yamashita (did a participative research) has used the best way to prove or disprove Marco Polo's claim to have visited China. He travels across China, visiting places that Marco Polo has claimed he had visited by using his book as a guide. For him, Marco Polo did visited China as he has seen things that Marco Polo claimed has seen. For those do not believe him, they did not make the journey like Mike Yamashita did and instead only sit in libraries researching on documents.

Show less

REPLY2

### Did Marco Polo Exist?

*February 11, 2015*

As a lover of history I have to confess that I often tend to dwell only on the "bullet points" of the Western world: Greek civilization, the Roman empire, the Dark Ages and the Inquisition, the Renaissance and the discovery of the New World, the Age of Enlightenment, the Victorian era and the British empire, World War I, the Third Reich, and then the rest of the 20th century. What results from only learning about these "bullet points" is that one tends to know a lot about periods and a lot about events, but not a lot about the people and their individual stories or their motives. In a lot of ways then, to my horror, my perception of history is much like a novel filled with actions but no characters committing them. I'm striving to change that, but I digress.

So rather than my contention with *The Travels* being that a European reaching China was some impossible feat in those times, my contention instead is why *The Travels* makes a European explorer reaching China out to be such a big deal— like it was the first time that had ever happened— when it wasn't.

Minang

Bimping .. bombing? Bimbiang ...

Abdullah

## **Lulus Peperiksaan dengan Cemerlang**

Pulau Buru di Selat Melaka,  
Pagi-pagi menyinggah helang.  
Bimbingan cikgu amat disuka,  
Anak kami jadi cemerlang.

Kampung Juru tidak bertebing,  
Orang menyabit di sawah padi.  
Tanpa jemu cikgu membimbing,  
Anak murid pasti menjadi.

Beli nanas di Pekan Peringgit,  
Sebelum sampai ke rumah baru.  
Tiada emas tiada ringgit,  
Dapat dinilai bantuan guru.

Abdul Haye

Orang rabun disuruh membimbing,  
Nan kudung tangan merejam lembing;  
Si kudung kaki memanjat tebing,  
Bagai menghitung bulu kambing.